

09 AUG 2003

Mahathir-Pertikaian (Bergambar)/I

DR MAHATHIR MAHU PERTIKAIAN DISELESAIKAN SECARA AMAN

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru kepada seluruh dunia supaya mengambil sedikit usaha untuk mencari jalan penyelesaian aman bagi pertikaian di kalangan negara dan agama.

Perdana Menteri berkata, sejak kebelakangan ini, dunia telah menyaksikan keganasan antarabangsa paling dasyhat dalam sejarah umat manusia seperti tragedi 11 Sept 2001 yang menyebabkan kematian ramai yang tidak berdosa dan tindakbalasnya juga tidak kurang kejam, membunuh ramai lagi orang yang tiada kaitan dengan kejadian 11 Sept.

Perang sebagai satu daripada kaedah dasar negara masih wujud dan selagi yang berkuasa tidak menolak amalan ini daripada dasar negara, maka mustahil keamanan dapat dicapai.

"Tetapi adakah keamanan bagi dunia, bagi negara-negara dan penduduk dunia mungkin? Pastinya ia. Keamanan perlu diperjuangkan, bukan di medan perang tetapi di bilik-bilik persidangan. Tidak wujud apa yang dikatakan perang untuk menamatkan segala perang, perang untuk keamanan berkekalan," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam ucaptamanya semasa merasmikan Persidangan Keamanan Dunia Kuala Lumpur yang julung kali diadakan, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata seluruh dunia mesti percaya dengan keamanan sebelum dunia boleh berhenti mensia-siakan duit bagi tujuan pertahanan.

Mereka yang kaya tidak berminat dengan keamanan dan mereka yang miskin pula berminat dengannya dan oleh itu yang lemah mesti berusaha secara bersama-sama untuk mencetus dan menggalakkan keamanan.

Bagaimanapun, katanya, nasib baik juga terdapat ramai daripada negara-negara berkuasa yang percaya dengan keamanan dan semua pihak perlu menyambut baik kerjasama mereka dalam menggalakkan keamanan.

Perdana Menteri juga berkata ada orang yang akan mempersoalkan mengapa Malaysia harus mengambil inisiatif ini untuk menggalakkan keamanan dunia.

"Malaysia juga pernah melalui peperangan, konvensional dan gerila. Tetapi Malaysia telah berusaha gigih menyelesaikan konflik dalaman dan dengan negara lain secara aman, melalui rundingan di sebalik konfrontasi dan peperangan. Dan Malaysia pada amnya telah berjaya," katanya.

Oleh sebab itu, Dr Mahathir mencadangkan supaya dunia mengkaji bagaimana Malaysia mencapai perkara ini dan rakyatnya hidup aman tenteram secara harmoni walaupun ia sebuah negara berbilang kaum dan agama.

"Saya tidak mencadangkan yang cara kita adalah yang terbaik bagi semua, tetapi apa yang saya cadangkan ialah kita adalah contoh relevan mengenai perbezaan pendapat antara sesama orang boleh diselesaikan tanpa keganasan," katanya.

Ada sedikit ketegangan, sedikit rasa tidak puas hati tetapi pada amnya rakyat Malaysia daripada setiap kaum dan lapisan saling memahami dengan agak baik. Tetapi kita mahu bersatu dan telah mencapainya dengan baik, katanya.

Menyentuh sejarah, Dr Mahathir mengimbas kembali keganasan semasa agama Kristian berkembang di mana pembunuhan kaum Yahudi berlaku dari masa ke masa kerana mereka dikatakan menyembelih kanak-kanak Kristian untuk menggunakan darah mereka bagi upacara keagamaan.

Dr Mahathir berkata Orang Kristian juga tidak bertolak ansur dengan orang Kristian lain yang mempunyai fahaman berbeza.

Tetapi kita semua tahu tiada apapun yang dibenarkan oleh agama Kristian dalam semua yang mereka lakukan ini. Agama Kristian akhirnya menjadi alasan mudah untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan agama itu sendiri.

Perdana Menteri berkata pada masa yang sama orang Islam menggunakan agama Islam apabila melakukan sesuatu yang bercanggah dengan Islam.

"Al-Quran sangat jelas. Orang Islam hanya boleh menyerang dalam mempertahankan diri. Dan apabila musuh mencari keamanan, orang Islam mesti memberi respons positif," katanya.

Oleh sebab itu, Dr Mahathir berkata adalah wajar bagi sebuah negara Islam yang aman untuk berkempen bagi keamanan dunia dan mewujudkan satu Anugerah Keamanan Dunia.

Dr Mahathir berkata demikian merujuk kepada Anugerah Keamanan Dunia Kuala Lumpur yang diperkenalkan oleh Yayasan Keamanan Dunia Malaysia dengan penerima sulungnya ialah Presiden Perancis Jacques Chirac yang menerima anugerah itu semasa lawatannya ke negara ini pada bulan lepas.

Bercakap mengenai senjata nuklear, Dr Mahathir berkata satu perang nuklear boleh memusnahkan dunia sama sekali, tetapi perjanjian 'Nuclear Non-Proliferation Treaty' tidak ditandatangani oleh negara-negara kuasa dunia yang mampu mengeluarkan senjata nuklear.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan bahawa penghapusan senjata nuklear tidak bermakna perang akan tamat, kerana senjata konvensional boleh juga boleh menjadi senjata kemusnahan sejagat seperti senjata nuklear.

Menurut Perdana Menteri, bagi mendapatkan balik sebahagian daripada kos memajukan senjata mahal, negara-negara kaya menjual senjata mereka di seluruh dunia dan negara-negara miskin ditekan supaya membeli senjata itu untuk melengkapkan angkatan tentera masing-masing.

Beliau juga menekankan hanya kekayaan yang diagihkan sama rata dan saksama dalam masyarakat dunia global akan bebas daripada ketegangan, rasa tidak puas hati dan kemarahan yang menyebabkan mereka beralih kepada keganasan dan terrorisme, oleh itu menggugat keamanan.

Dr Mahathir berkata bagi negara-negara dan penduduk dunia, nilai keamanan mesti diterapkan, mesti dijadikan sebahagian daripada budaya kebangsaan bermula di sekolah hingga sepanjang hayat.

"Kita juga memerlukan satu budaya keamanan di kalangan mereka yang melengkapkan diri mereka dengan begitu banyak senjata, yang sering memajukan senjata dan yang menjualnya kepada negara-negara yang menentang satu sama lain," katanya.

-- BERNAMA

RV AZZ PR